

# Laman sesawang UPM terbaik

**Serdang:** Laman sesawang Universiti Putra Malaysia (UPM) diiktiraf sebagai yang terbaik dalam kalangan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan menerusi penarafan antarabangsa, Webometrics, baru-baru ini.

Universiti Sains Malaysia (USM) berada pada kedudukan kedua, disusuli Universiti Teknologi Malaysia (UTM), manakala Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) masing-masing pada kedudukan keempat dan kelima.

Webometrics ialah sistem penarafan dijalankan oleh kumpulan penyelidik Cybermetrics Lab

yang juga ahli Majlis Penyelidikan Kebangsaan Sepanyol, dengan menjadikan laman web universiti dan pautannya sebagai indikator untuk mengukur prestasi institusi terbabit pada peringkat global.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, berkata daripada 20,000 IPT seluruh dunia yang dinilai, UPM berada pada kedudukan ke-420 berbanding ke-510 sebelum ini.

## Penarafan antarabangsa

Dalam kalangan negara Asia pula, beliau berkata, UPM menduduki tempat ke-76, sekali gus memperbaiki kedudukan ke-97

pada edisi Julai tahun lalu.

“Ini kali kedua UPM berjaya menduduki tempat pertama dalam kalangan IPT tempatan selepas kali pertama pada Januari 2012. Sebanyak 89 IPT tempatan meliputi 20 awam dan 69 swasta dinilai tahun ini.

“Penilaian itu turut menyenaraikan indikator impak UPM ke-1,088 terbaik dunia, berbanding sebelum ini pada kedudukan ke-1,668,” katanya.

Penarafan antarabangsa yang dikeluarkan pada Januari dan Julai setiap tahun itu adalah berdasarkan empat indikator utama iaitu impak, kewujudan, keter-



Mohd Fauzi

bukaan serta kecemerlangan.

Indikator itu antara lain mengambil kira komitmen universiti terhadap pengajaran, hasil penyelidikan, prestij antarabangsa dan rangkaian dengan komuniti, termasuk industri serta ekonomi.